



SKRIP RANCANGAN
RADIO MALAYSIA PERLIS
BERSAMA
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI
PERLIS

ISU PEMBAKARAN TERBUKA KETIKA MUSIM ANGIN TIMUR

23 Februari 2022 (Rabu)
3:15 petang
Konti Perlis.FM

PENGENALAN

Seperti yang kita sedia maklum, negeri Perlis sekarang sedang mengalami Musim Angin Timur atau “Winter Wind”. Ia sebenarnya merujuk kepada fenomena angin tropika yang bertiup di negeri Perlis sepanjang Disember hingga Mac setiap tahun. Dikenali sebagai ‘musim angin timur’ oleh penduduk tempatan. Winter Wind tidak berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia melainkan di negeri Perlis.

Salah satu isu yang akan timbul setiap kali tibanya musim angin timur di Perlis ini adalah masalah pembakaran terbuka. Jika tidak dikawal, isu pembakaran terbuka boleh menyebabkan insiden jerebu setempat. Ini diburukkan lagi dengan faktor alam semulajadi seperti kemarau serta cuaca yang kering dan panas. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta mahupun orang awam. Pembakaran terbuka seharusnya dikawal dan diawasi sewajarnya melalui perundangan dan program-program kesedaran/pendidikan alam sekitar di semua tahap dan lapisan masyarakat.

Bagi membincangkan tentang isu ini, kita telah menjemput Ts. Mohamad Fitri bin Said, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis untuk membincangkan topik kali ini iaitu “Isu Pembakaran Terbuka Ketika Musim Angin Timur”.

Pengacara: Selamat datang ke Perlis.fm. Bolehkah Encik Fitri terangkan sedikit latar belakang serta pengenalan berkaitan tajuk yang disebutkan tadi kepada pendengar-pendengar Radio Malaysia Perlis.

Tetamu: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Perlis.fm kerana sudi menjemput saya bagi pihak JAS untuk berkongsi pengalaman dan membincangkan topik yang akan dibincangkan iaitu “Isu Pembakaran Terbuka Ketika Musim Angin Timur”. Saya yakin bahawa pendengar-pendengar kita begitu tertarik dengan tajuk ini, memandangkan kita di Perlis sedang mengalami musim angin timur. Dalam masa yang sama, banyak isu-isu pembakaran terbuka berlaku, perkara ini perlu dikawal supaya tidak mengundang masalah jerebu dan pencemaran udara di negeri ini.

Pengacara: Sebelum kita meninjau lebih jauh mengenai topik ini, terlebih dahulu kita perlu mengetahui tentang musim angin timur. Silakan.

Tetamu: Merujuk kepada maklumat tinjauan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, buat masa ini kita di Semenanjung Malaysia berada pada fasa Monsun Timur Laut. Fasa ini telah bermula pada November 2021 dan dijangka berterusan sehingga Mac 2022.

Sepanjang tempoh ini, negara lebih cenderung menerima tiupan angin lebih kencang dan berterusan dari arah timur laut dengan kelajuan sekitar 10 – 20 km/jam.

Bagi kawasan utara khususnya kita di negeri Perlis, keadaan ini menyebabkan cuaca yang agak kering. Pada kebiasaannya suhu pada waktu siang adalah lebih tinggi sekitar 32°C – 35°C dan lebih rendah pada waktu malam atau awal pagi sekitar 25°C.

Pengacara: Berbalik semula kepada pembakaran terbuka. Sebelum kita pergi lebih lanjut kepada isu-isu berkaitan perkara ini, lebih elok kiranya jika kita melihat kepada pembakaran terbuka menurut definisi Jabatan Alam Sekitar.

Tetamu: Dalam menghadapi cuaca kering, isu yang signifikan dan sering berlaku adalah pencemaran udara yang berpunca daripada pembakaran terbuka. Pembakaran terbuka boleh ditakrifkan sebagai sebarang pembakaran yang dilakukan ke atas bahan-bahan yang boleh terbakar secara terbuka tanpa sebarang alat kawalan atau tempat khas yang mana hasil pembakaran tersebut dialirkan/dibebaskan ke udara bebas dan tidak disalurkan melalui cerobong atau serombong yang tertentu.

Pengacara: Apakah perbezaan antara pembakaran terbuka dengan pembakaran tidak terbuka atau yang dialirkan melalui cerobong?

Tetamu: Pembakaran terbuka adalah pembakaran yang dilakukan sewenang-wenangnya tanpa kawalan-kawalan kejuruteraan, tanpa mengira masa, waktu dan keadaan semasa; manakala pembakaran yang dialirkan melalui cerobong lazimnya terkawal di mana bendasing udara yang dibebaskan hasil daripada pembakaran tersebut akan melalui beberapa siri kawalan penapisan sebelum ianya dibebaskan ke udara. Ini yang dikatakan kawalan secara berteknologi di mana haba yang dihasilkan daripada kaedah pembakaran ini dapat digunakan untuk lain-lain kegunaan berfaedah dan paling tidak pun ianya tidak akan memudaratkan kehidupan di sekeliling dengan ketara.

Pengacara: Daripada pengalaman En. Fitri, selain daripada teknologi pembakaran secara tertutup dan terkawal ini, apakah kaedah lain yang dipraktikkan dalam menghindar atau mengurangkan aktiviti pembakaran terbuka ini.

Tetamu: Apabila bercakap tentang pembakaran terbuka, biasanya bahan bakar tersebut disifatkan sebagai bahan buangan oleh pemunya atau pemiliknya terutama bahan buangan industri, pembinaan dan pertanian. Bahan-bahan tersebut masih lagi mempunyai nilai komersial atau kegunaan berfaedah lain jika kita semua prihatin terhadap alam sekeliling kita dan tidak melakukan pembakaran terbuka. Pelbagai kaedah yang dapat dipraktikkan dalam menangani masalah pembakaran terbuka ini. Antara alternatif yang boleh diusahakan/digunakan adalah:-

- i). Kitar Semula – 3 R (Reduce, Reuse, Recycle)
- ii) . Timbus di tapak pelupusan

- iii). Kompos
- iv). Zero burning – yang diamalkan oleh pengusaha ladang kelapa sawit

Pengacara: Bagaimana pula dengan amalan pembakaran terbuka dari sudut perundangan?

Tetamu: Berdasarkan kepada peruntukan perundangan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu dibawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2015, tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis. Ini bermaksud secara amnya pembakaran terbuka dalam apa-apa bentuk atau tujuan sekalipun tidak dibenarkan sama sekali.

Pengacara: Bolehkah Tuan terangkan, dalam keadaan manakah atau kes-kes tertentu yang membenarkan pembakaran terbuka berlaku?

Tetamu: Berhubung dengan pengecualian ini, Jabatan Alam Sekitar telahewartakan satu Perintah yang dikenali dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003 yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari, 2004. Di dalam perintah tersebut telah disenaraikan beberapa aktiviti yang dikecualikan dari larangan pembakaran terbuka. Merujuk kepada kes-kes di negeri Perlis di antara aktiviti yang dibenarkan:-

- i). Pembakaran terbuka ke atas jerami-jerami padi selepas musim menuai.
- ii). Pembakaran tumbuhan yang berpenyakit.
- iii). Pembakaran bangkai binatang berpenyakit.
- iv). Pembakaran daun di halaman rumah.
- v). Latihan kebakaran bersama pihak Bomba.
- vi). Pembakaran mayat dan bagi tujuan upacara keagamaan.
- vii). Gril/ barbeku dan beberapa aktiviti lain-lain lagi.

Pengacara: Adakah pengecualian ini bermakna aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi boleh dijalankan/dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Tetamu: Oh tidak. Pengecualian ini adalah bergantung kepada arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar. Bagi tanaman padi, pembakaran sekam padi adalah tidak dibenarkan sama sekali. Begitu juga bagi tanah gambut. Tiada sebarang bentuk pembakaran dibenarkan di kawasan tanah gambut.

Dalam keadaan biasa dan cuaca yang baik, mana-mana pihak yang hendak menjalankan aktiviti pembakaran terbuka sebagaimana yang ditetapkan dibawah perintah tersebut perlu merujuk kepada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu. Jabatan Alam Sekitar akan mengenakan beberapa syarat-syarat tertentu bagi aktiviti tersebut. Di antara syarat-syarat yang akan dikenakan;-

- i). Menetapkan masa dan keluasan pembakaran.
- ii). Pembakaran hendaklah dikawalselia oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas pembakaran tersebut.
- iii). Bagi pembakaran jerami padi, keluasan setiap pembakaran tidak melebihi plot-plot yang telah ditentukan dalam satu-satu masa.
- iv). Pembakaran hanya dibenar dilakukan sekiranya indeks pencemaran udara (IPU) tidak melebihi 100.

Pengacara : Bagaimana pula dengan pembakaran daripada sisa-sisa buangan tred, sisa-sisa buangan binaan, atau industri, adakah kelonggaran yang sama diberikan juga?

Tetamu : Bagi sisa-sisa buangan tred, binaan atau industri, tiada kelonggaran atau pengecualian diberikan. Sekiranya didapati pembakaran terbuka dilakukan/dikesan, maka tindakan undang-undang akan diambil. Jika sabit kesalahan melakukan pembakaran terbuka, boleh dikenakan tawaran kompaun RM 2000.00 bagi setiap longgok atau dihadapkan ke mahkamah di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda maksima RM 500,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau ke dua-duanya sekali.

Pengacara : Bagaimanakah kaedah pengawalan yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengesan dan menangani aktiviti pembakaran terbuka?

Tetamu : Bagi mengawal atau membanteras aktiviti pembakaran terbuka dengan lebih berkesan, Jabatan Alam Sekitar telah menubuhkan pasukan rondaan dan mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain dan juga pihak berkuasa tempatan.

Jabatan Alam Sekitar turut menerima maklumat hotspot yang dicerap dari satelit. Kebanyakan aktiviti pembakaran terbuka yang dikesan banyak berlaku di kawasan Lembah Chuping dan sawah padi. Berdasarkan rekod, sebanyak 25 kes pembakaran terbuka telah dikesan melalui hotspot yang dicerap pada tahun 2021 dan sehingga Januari 2022, sebanyak 9 kes pembakaran terbuka telah dikesan.

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar juga turut mengadakan siri-siri ceramah bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

Pengacara : Berdasarkan informasi yang telah kita bincangkan tadi, apakah harapan dan pesanan Encik Fitri kepada pendengar-pendengar Perlis.fm bagi menangani masalah aktiviti pembakaran terbuka yang boleh menyumbang kepada pencemaran udara kita.

Tetamu : Besarlah harapan saya bagi pihak Jabatan Alam Sekitar kepada para pendengar dan semua pihak berkepentingan seperti pemilik ladang dan pemaju projek supaya lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar dan lebih bertanggungjawab dengan tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka. Semua pihak perlu sedar bahawa pembakaran terbuka yang tidak terkawal boleh menyebabkan kualiti udara setempat terjejas.

Pengacara : InsyaAllah, baiklah Tuan, sekian untuk kali ini.

Tetamu : Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada pihak Perlis.fm kerana memberi ruang kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menerangkan serba sedikit berkaitan aktiviti pembakaran dan perundangan yang terlibat. Sekian.